



Bah di Kelantan, Terengganu semakin buruk

6,584 mangsa dipindahkan di 68 pusat pemindahan sementara

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Ramli Ibrahim, Hazira Ahmad Zaidi dan Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir di beberapa daerah di Kelantan dan Terengganu terus mencatatkan peningkatan dengan seramai 6,584 mangsa dipindahkan di 68 pusat pemindahan sementara (PPS), sehingga petang semalam.

Di **Kota Bharu**, seramai 826 mangsa membabitkan 234 keluarga dipindahkan di 25 PPS di empat daerah iaitu Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas dan Gua Musang.

Berdasarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pasir Mas mencatatkan mangsa paling ramai, iaitu 452 orang, diikuti Kuala Krai (231), Tanah Merah (166) dan Gua Musang (13).

Pasir Mas membabitkan sembilan PPS yang menempatkan 139 keluarga yang mula dipindahkan sejak kelmarin, manakala Kuala Krai mencatatkan tujuh PPS yang menempatkan 57 keluarga dan Tanah Merah membabitkan 36 keluarga yang ditempatkan di lapan PPS.



Amirurrahman Mohd Razih dan Arif Fahmi Amiruddin menyelamatkan perkakas rumah selepas kediaman mereka ditenggelami air di Kampung Tanjung, Bukit Mentok, Kemaman, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

Gua Musang menjadi daerah terbaru dilanda banjir apabila dua keluarga ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi 2.

Selain itu, kira-kira 1,000 penduduk Kampung Kuala Pertang, Tanjung Kala, Pasir Jering dan Tanjung Pagar di Kuala Krai terperangkap selepas jambatan Kuala Pertang ditenggelami air Sungai Nal sejak enam hari lalu berikutan hujan lebat.

Penduduk, Ahmad Che Nok, 72, berkata jambatan yang menghubungkan Kampung Pertang dan Tanjung Kala sudah tiga kali ditukar, namun hingga kini jambatan itu tetap ditenggelami air

apabila hujan lebat berterusan selama beberapa hari.

“Ketinggian jambatan ini 2.4 meter, namun gelombang kedua banjir baru-baru ini menyebabkan paras air meningkat melebihi jambatan, iaitu 3.7 meter.

“Saya dan beberapa penduduk di kawasan sekitar kerap terputus hubungan kerana jambatan Sungai Chenulang mudah tenggelam dan air hanya surut dalam masa dua hingga tiga minggu, bergantung kepada keadaan cuaca,” katanya ditemui di Kampung Kuala Pertang di sini, semalam.

Sementara itu, pemandu bot tambang, Mohd Sufakimi Che Noh, 26, berkata sejak tiga hari



Tiga pos kawalan Pasukan Gerakan Am di sempadan Malaysia-Thailand, Rantau Panjang turut ditenggelami banjir. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Azhar Rahman menyediakan khidmat bot penambang kepada penduduk selepas jalan utama menghubungkan Kuala Nal dengan Lapan Pauh serta Bukit Sireh terputus hubungan. (Foto BERNAMA)

lalu, dia diberi tanggungjawab mengemudi bot dan membawa penduduk pergi dan balik kerja, selain membeli barang keperluan harian.

“Setiap hari, bermula jam 7 pagi hingga jam 7 petang, saya akan membawa mereka yang memerlukan khidmat bot tambang dan kadar bayaran yang dikenakan adalah RM2 sehalu. Secara purata, saya membawa 30 hingga 40 penumpang sehari yang keluar untuk melakukan urusan masing-masing,” katanya.

Sementara itu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Sahabat Jariah Malaysia (SJM), menyalurkan bekalan makanan kepada 500 penduduk daripada 90 keluarga Orang Asli di Kampung Pasir Linggi, Gua Musang, yang terperangkap apabila jambatan keluar masuk ke penempatan itu tenggelam, awal pagi kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Daerah Gua Musang, Deputy Superintendan Sik Choon Foo, berkata pihak pengurusan bencana jajahan berkenaan sudah mengambil langkah awal membuat persiapan, termasuk menyediakan makanan.

“Orang Asli di Kampung Pasir Linggi masih terperangkap, tetapi

paras air Sungai Lebir semakin surut apabila hujan sekali-sekala lebat,” katanya di sini, semalam.

Di **Kuala Terengganu**, sehingga jam 6 petang semalam, Sekretariat Jawatankuasa Bencana Negeri (JPBN) memaklumkan seramai 5,758 mangsa dipindahkan di 43 PPS di Kemaman, Hulu Terengganu, Dungun dan Setiu.

Daerah Kemaman paling terjejas apabila 4,809 mangsa daripada 1,155 keluarga ditempatkan di 24 PPS, manakala 605 orang daripada 233 keluarga dipindahkan di 11 PPS di Hulu Terengganu.

Jumlah mangsa banjir di Dungun juga mencatatkan peningkatan apabila seramai 334 mangsa membabitkan tujuh keluarga ditempatkan di tujuh PPS, manakala di Setiu, seramai 11 mangsa daripada tiga keluarga di tempatkan di satu PPS.

Ketua Sekretariat JPBN, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman, berkata orang ramai dinasihatkan sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

“Penduduk di kawasan berisiko banjir hendaklah sentiasa akur dan patuh dengan arahan pihak berkuasa dan berpindah sekiranya perlu bagi mengelak terperangkap dalam banjir,” katanya.